

# Pameran Big Bike dan 4WD meriahkan Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015

UB 17.11.2015 B5

**PAMERAN** Big Bike dan 4WD turut memeriahkan Pesta Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Kali Ke-17 2015 dengan kerjasama RTM Labuan pada 14-15 November lalu.

Kelab motosikal LA Riders dan Harley Owner Group (HOG) masing-masing menampilkan sebanyak 30 motosikal manakala Kelab Smart Ryders menghantar empat motosikal yang dimiliki Presidennya Dato' Sri Mohd Alias Abd Rahman dan isteri Datin Sri Norsiah Abdullah.

Kelab LA' Riders diwakili Jellom Jona manakala Haji Sulaiman Sujud mewakili HOG Labuan.

Kehadiran motosikal berkuasa tinggi itu menarik pengunjung ke pesta itu terutamanya pelajar UMSKAL sendiri.

Sementara itu, sebanyak 11 pemilik pacuan empat roda turut menyertai pameran 4WD pada hari terakhir Pesta Tamu Gadang UMSKAL – RTM Labuan 2015.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengucapkan terima kasih kepada semua peserta Big Bike dan 4WD kerana turut menjayakan pameran kendaraan masing-masing sempena penganjuran Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015 dengan kerjasama RTM Labuan.

Beliau menaruh keyakinan kehadiran motosikal berkuasa tinggi dan kendaraan 4WD itu akan menarik minat penggemar kedua-dua kendaraan itu untuk menjadi ahli kelab permotoran masing-masing di Wilayah Persekutuan Labuan.

Murnizam juga mengal-

lukan kerjasama kedua-dua kelab itu untuk mengadakan program anjuran UMSKAL pada masa akan datang.

"Pihak UMSKAL bersedia bekerjasama mengadakan program dengan kelab permotoran dan 4WD dalam skala lebih besar pada masa akan datang," katanya selepas menyampaikan

cenderamata kepada wakil kelab motosikal itu.

Turut berminat dengan motosikal berkuasa tinggi itu ialah Timbalan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakin-jal.



**SEBAHAGIAN** penunggang motosikal berkuasa besar yang menyertai pameran Big Bike sempena Pesta Tamu Gadang UMSKAL 2015.



**PEMILIK** motosikal Kelab LA Riders gembira menyertai pameran Big Bike di UMSKAL.



**MURNIZAM** (lima kanan) menunjukkan isyarat bagus bersama pemilik kendaraan 4WD yang memeriahkan Pesta Tamu Gadang UMSKAL – RTM Labuan.



**MURNIZAM** (kiri) menyampaikan cenderamata kepada wakil HOG Labuan Haji Sulaiman Sujud.